

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Setelah mengkaji tokoh seperti Shariati yang mempunyai latar belakang keluarga yang hebat, penulis amat mengagumi idea-ideanya.. Tidak ramai di kalangan pemikir yang mempraktikkan apa yang disampaikannya, tetapi itu tidak berlaku kepada Ali Shariati. Beliau telah memilih model-model yang ideal seperti Nabi Muhammad s.a.w., serta sahabat-sahabat Baginda yang hebat seperti Ali bin Abi Talib, Abu Zar dan Salamn Al-Farisi. Lalu, beliau sedaya-upaya menghampirkan dirinya kepada model-model beliau dengan mengkaji secara saintifik apa yang telah mereka lakukan di samping menyesuaikannya dengan situasi semasa. Setelah, merangkakan peranan yang patut dimainkan, beliau bersungguh-sungguh melakukannya.

Hasil daripada kajian penulis, dapatlah dirumuskan tentang beberapa perkara. Mengenai latar belakang persekitaran yang membentuk pemikirannya, penulis merumuskan, secara kronologinya, pemikiran Ali Shariati dipengaruhi oleh; pertamanya bapanya sendiri iaitu Muhammad Taqi Shariati. Ali Shariati membesar dalam didikan dan perpustakaan bapanya sehingga beliau menyatakan bahawa bapanya merupakan model *ulil albab* kepada beliau seperti Nabi Zakaria a.s. kepada Nabi Yahya a.s. Keduanya ialah Mowlavi Masnavi di mana falsafahnya telah menyelamatkan Shariati ketika beliau menghadapi krisis identiti yang pertama sewaktu zaman remajanya. Ketiganya, Abu Zar yang dilambangkan oleh Shariati sebagai wira, model, simbol yang melawan kekayaan, kekuasaan dan kekuasaan agama untuk menyelamatkan Islam yang sebenar iaitu Islam golongan miskin, tertindas dan sedar. Beliau menjumpai karektor Abu Zar ini semasa

beliau berada di Maktab Perguruan Mahshad. Keempatnya, Dr. Mossadeq dan kegagalan gerakannya tersebut. Dalam tahun 1975, Shariati menulis puisi yang simbolik tentang kebebasan. Beliau merujuk Mossadeq sebagai panduan dan pemimpin yang memperjuangkan kebebasan selama 70 tahun hidupnya. Kelimanya, sewaktu di Paris, beliau banyak dipengaruhi oleh gurunya seperti Massignon dan Franz Fanon. Beliau banyak memuji Massignon dan mengatakan bahawa Massignon telah mengajarnya seni untuk melihat. Beliau juga banyak terpengaruh dengan tokoh-tokoh Barat yang lain seperti Karl Marx. Beliau bersikap terbuka dengan mengambil aspek-aspek positif daripada Barat. Walaupun begitu, disebabkan kefahaman Islamnya yang mendalam, beliau telah menapis sumber-sumber daripada tradisinya, Barat dan juga Marxisme.

Di samping dipengaruhi oleh personaliti-personaliti tertentu, pemikiran Ali Shariati juga dipengaruhi oleh latar belakang persekitaran masyarakatnya. Dengan adanya jurang pemisahan antara golongan agama dan generasi baru serta faktor anasir luar seperti modenisasi dan komunisme ke dalam masyarakatnya, menyebabkan Shariati muncul dengan ideologi Islamnya yang dikenali sebagai Islamologi.

Mengenai konsep ketamadunan Ali Shariati pula, penulis merumuskan bahawa Ali Shariati telah membahagikan tamadun kepada dua jenis iaitu tamadun universal dan tamadun etnik. Tamadun universal terdiri daripada kekayaan dan penciptaan yang dihimpun oleh pelbagai generasi masyarakat untuk manfaat seluruh umat manusia. Manakala tamadun etnik terdiri daripada kekayaan yang khas untuk setiap bangsa atau ras. Beliau juga mendakwa tamadun dibentuk oleh masyarakat. Manakala, masyarakat

dibentuk oleh ideologi seseorang manusia yang membentuk masyarakat. Berbeza dengan pandangan tokoh-tokoh lain, Ali Shariati menganggap tamadun juga merupakan sesuatu yang amat negatif. Ini adalah kerana lazimnya, monumen agung dalam sejarah tamadun manusia telah dibina di atas timbunan tulang manusia kelas rendah yang tertindas.

Ali Shariati juga telah mengemukakan teori sejarah dan tamadun dengan menggunakan bentuk kon sebagai rangka pemikiran dan pertimbangan. Beliau juga percaya bahawa sejarah membantu manusia untuk mengetahui apa yang akan berlaku akan datang. Beliau cuba mengulas tamadun manusia menggunakan bentuk kon. Menurutnya, golongan massa dalam setiap masyarakat terletak di bahagian bawah bentuk kon, manakala golongan intelektual pula terletak di bahagian atas. Di antara golongan massa dan golongan intelektual, wujud sebilangan kecil individu yang genius tetapi bertentangan dengan intelektual pada zamannya, mereka menyampaikan idea baru dan akhirnya menggantikan golongan intelektual di bahagian atas bentuk kon. Oleh itu, Shariati berpendapat, untuk membuat jangkaan mengenai apa yang berlaku pada masa akan datang, perlu melihat kepada golongan genius yang berbeza idea dengan golongan intelektual pada zaman tersebut.

Mengulas tentang sejarah pertentangan dalam tamadun manusia, Shariati cuba menyelami kisah keluarga manusia pertama iaitu Adam a.s. Baginda mempunyai dua orang anak lelaki iaitu Habil dan Qabil yang bermusuh. Shariati mendapati faktor utama pertentangan ini adalah kerana sistem pekerjaan mereka iaitu Qabil mewakili sistem masyarakat pertanian yang mempunyai kelas, manakala Habil mewakili sistem ekonomi

sara diri. Pihak yang diwakili oleh Habil ialah golongan yang tertindas iaitu golongan manusia yang sepanjang sejarah dizalami oleh sistem Qabil.

Seterusnya penulis merumuskan juga bahawa Ali Shariati telah memberi penekanan khusus terhadap pemahaman Islam dalam pembinaan tamadun. Bagi beliau pendekatan yang betul untuk memahami Islam sangat penting. Pendekatan yang disarankan olehnya bersifat multi dimensi seperti metod falsafah bagi mengkaji hubungan manusia dengan Tuhan, metod sosiologi dan sejarah untuk mengkaji kehidupan manusia di bumi, metod sains semula jadi untuk mengkaji fenomena alam dan sebagainya. Oleh kerana bidangnya ialah sejarah dan sosiologi, beliau telah menerangkan dua metod iaitu masyarakat dan sejarah dalam sains kemanusiaan. Contohnya, terdapat dua cara untuk mengenali agama iaitu dengan mengetahui idea atau pemikirannya dan sejarah Islam.

Dalam memahami tamadun pula, Shariati menggunakan kaedah sosiologi Islam dan menggunakan terminologi yang dirujuk daripada al-Quran seperti “hijrah”. Menurutnya, masalah utama dalam sejarah dan sosiologi ialah mencari sebab utama perubahan dalam sesebuah masyarakat. Umumnya terdapat empat faktor iaitu personaliti, kebetulan, adat kebiasaan dan golongan massa. Nisbah peranan setiap faktor bergantung kepada sesebuah masyarakat. Di dalam Islam, personaliti Nabi Muhammad s.a.w. merupakan peranan yang sangat penting dalam pembinaan struktur tamadun. Walau bagaimanapun, misi nabi yang dijelaskan dalam al-Quran menyatakan bahawa baginda s.a.w. bertanggung jawab menyampaikan mesej dan menunjukkan jalan kepada manusia. Tetapi baginda s.a.w. tidak dipertanggungjawabkan ke atas perkembangan mereka.

Bagi Shariati, ideologi membentuk masyarakat dan masyarakat membentuk tamadun. Oleh itu, beliau memperkenalkan Islamologi atau ideologi Islam sebagai asas tamadun Islam. Islamologi bertujuan menunjukkan kemodenan, persamaan dan demokrasi adalah selari dengan Islam, mengenal pasti halangan-halangan untuk merealisasikan Islam yang unggul dan menjawab persoalan mengapa orang yang benar-benar percaya kepada konsep Tawhid bertanggung jawab menyelesaikan halangan-halangan tersebut. Berdasarkan Islamologi, sarjana Islam sebenar adalah mereka yang memahami Islam sebagai ideologi iaitu menerima Islam sebagai idea bukan sebagai himpunan sains. Aliran pemikiran pula sangat penting kerana ia merupakan himpunan harmoni pelbagai konsep di bawah satu roh berdasarkan infrastruktur dan suprastruktur sistem kepercayaan atau ideologi. Beliau juga menegaskan pandangan alam bagi ideologi Islam ialah percaya bahawa alam ini mempunyai Pencipta dan dari perkiraanNya yang tepat , seseorang itu dibalas bergantung kepada perbuatannya sendiri. Bagi beliau manusia perlu dikaji dari aspek falsafah antropologi (misi dan makna kemanusiaan), sosiologi (kecenderungan, ideal dan pandangan khusus sesebuah aliran) dan falsafah sejarah (proses yang bergerak dalam kehidupan manusia bergantung kepada undang-undang saintifik sebab dan akibat). Beliau turut menjelaskan kepentingan masyarakat dan insan ideal. Di samping Islamogi, Shariati turut menyentuh mengenai slogan Syiah yang merupakan asas dalam tamadun Islam di Iran.

Mengenai peranan manusia, golongan intelektual dan wanita pula, Shariati mengulas konsep manusia dengan melihat kejadian Adam a.s. lalu membuat kesimpulan

tentang status manusia dari pandangan Allah s.w.t. iaitu manusia merupakan sebahagian daripada Allah s.w.t., rakan, orang yang memegang amanah dan kepercayaan sandaraNya di muka bumi. Peranan terbesar manusia ialah memilih takdir mereka.

Menurut beliau lagi, antara penggerak pembentukan sesebuah tamadun ialah golongan intelektual. Beliau menegaskan bahawa golongan intelektual membawa misi nabi iaitu menyedarkan masyarakat. Peranan yang perlu dimainkan oleh mereka ialah mengenal pasti sebab sebenar kemunduran masyarakat, mendidik masyarakat yang lalai tentang sebab asas yang mengancam sejarah serta matlamat mereka, mengenal pasti penyelesaian yang rasional, mencari kaitan antara masalah dalaman dan faktor luaran dan akhirnya, menyampaikan kefahaman ini kepada masyarakat. Shariati juga menekankan bahawa untuk membebaskan dan memandu manusia, golongan intelektual harus mulakan dengan agama. Mereka perlu mengambil dan menapis sumber daripada masyarakat serta menjadi ejen penggerak masyarakat, menyedarkan tentang konflik kelas dalam masyarakat dan merapatkan jurang antara golongan intelektual dengan golongan massa, menghalang orang yang tidak berkelayakan menggunakan senjata agama untuk tujuan peribadi, melancarkan kelahiran semula agama dan membuang semangat meniru serta patuh secara membuta tuli sebaliknya menggantikannya dengan revolusi yang kritikal.

Shariati turut menyentuh mengenai peranan wanita dalam tamadun Islam dengan mengambil model seperti Fatimah Az-Zahra, Zainab bt. Ali dan wanita-wanita di zaman Rasulullah s.a.w. Menurutnya, Fatimah memainkan peranannya di dalam masjid, masyarakat, di rumah dan dalam perjuangan sosial keluarga serta perjuangan Islam

sehingga disebut sebagai simbol wanita sebenar. Manakala Zainab pula, merupakan serikandi Karbala yang merupakan simbol bagi sosial kemanusiaan dan kepimpinan progresif wanita. Wanita-wanita pada zaman Rasulullah s.a.w. pula sangat aktif dalam masyarakat seperti menyertai perang untuk tujuan merawat tentera yang cedera. Oleh itu, Shariati menegaskan bahawa peranan wanita Dunia Ketiga adalah menolak acuan tradisional dan acuan yang diimport dari Barat. Sebaliknya, memilih model wanita terbaik dalam sejarah Islam.

Akhirnya, dalam persoalan modenisasi dan ideologi-ideologi moden dirumuskan bahawa, Ali Shariati menyatakan, Eropah telah membuat orang-orang bukan Eropah menyamakan modenisasi dengan tamadun semata-mata untuk memaksa mereka melanggan atau menggunakan barang Eropah. Barat cuba mengubah orang bukan Barat menjadi “bangsa-bangsa moden” dengan menggantikan kebudayaan sendiri dengan kebudayaan Barat melalui proses “assimilasi” yang membawa kepada “keterasingan” (*alienation*). Timur dipaksa merasa rendah diri dengan memiliki sejarah dan agama yang tidak baik dan untuk membuang perasaan ini, orang Timur cuba menjadi seperti Barat iaitu bangsa yang hebat.

Shariati turut mengkritik ideologi-ideologi moden seperti Kapitalisme, Marxisme, Eksistensialisme dan Freudanisme. Menurut beliau, kapitalisme cuba membawa rakyatnya ke arah kebebasan daripada agama yang dogmatik tetapi sebaliknya tunduk kepada kekuasaan golongan yang memiliki modal. Kehidupan kapitalisme adalah

material, nilai moralnya ialah orpotunisme dan egoisme, tujuannya ialah kepenggunaan dan falsafah hidupnya ialah kepuasan nafsu.

Tentang Marxisme pula, beliau menyatakan Marx melaungkan untuk memelihara kemuliaan manusia tetapi sebaliknya, manusia tidak mendapat kemuliaan ini kerana beliau melihat kemanusiaan dalam konteks sejarah yang akhirnya kembali pada alam mekanisme.

Walaupun Shariati mengagumi Sartre iaitu tokoh terkenal eksistensialisme, namun beliau tetap mengkritiknya. Menurutnya, eksistensialisme muncul sebagai pemberontak melawan kedua-dua ideologi sebelumnya iaitu kapitalisme dan marxisme serta menekankan mereka adalah pencinta manusia. Bagi Shariati, Sartre tidak sedar bahawa moral eksistensialismenya begitu lemah dan dasarnya begitu goyah.

Mengenai Freudanisme pula, Shariati menjelaskan pendiriannya bahawa Freud adalah seorang borjuis moden yang menentang segala nilai moral dan kemanusiaan, menentang segala martabat dan ketinggian manifestasi roh manusia disebabkan ideanya yang mengatakan bahawa seks adalah segala-galanya dalam kehidupan.

Penulis mendapati bahawa Ali Shariati bukan sahaja hidup di tengah-tengah masyarakat setempatnya, bahkan juga hidup dalam masyarakat global sezaman dengannya, mampu memahami, menganalisa serta menjangkakan peristiwa akan datang. Beliau mengkaji warisan agamanya dan juga ideologi-ideologi semasa yang lain.

Berdasarkan kepakarannya dalam bidang sosiologi, beliau bukan sahaja berjaya menunjukkan kehebatan dan ketinggian agama Islam, malah mampu mendedahkan kelemahan-kelemahan ideologi-ideologi semasa yang lain melalui pendekatan tipologi.

Dengan ini penulis cuba melihat sejauh mana kebenaran kritikan-kritikan yang dilontarkan terhadap Ali Shariati. Mangol Bayat mendakwa bahawa dalam ideologi syiah Shariati, agama adalah semata-mata untuk revolusi (bukannya revolusi untuk agama) dan secara ironinya, reaksi militan sudah cukup bagi menentang konsep Barat. Setelah mengkaji sendiri tulisan-tulisan Ali Shariati, penulis mendapati bahawa dakwaan ini kurang tepat. Ini adalah kerana pertamanya, idea revolusi yang dibawa oleh Shariati adalah berdasarkan kajian saintifiknya terhadap sejarah Islam itu sendiri iaitu berasaskan revolusi yang dipelopori oleh Rasulullah s.a.w. dalam memperjuangkan keadilan. Gelombang revolusi ini diteruskan oleh cucu Rasulullah s.a.w. sendiri iaitu Husin yang melancarkan satu revolusi menentang kezaliman. Jadi bagi penulis, tidak perlu timbul persoalan agama untuk revolusi atau revolusi untuk agama kerana revolusi menentang kezaliman dan keadilan merupakan misi kedatangan Islam itu sendiri asalkan golongan revolucioner tersebut berpegang kepada konsep Tawhid. Keduanya, jika Mangol mengatakan bahawa secara ironi, reaksi militan sudah cukup untuk menentang konsep Barat, bermakna beliau menafikan pendekatan intelektual Ali Shariati yang memakan tempoh masa yang panjang. Tidak dapat dinafikan bahawa antara slogan utama yang diteriakkan oleh Ali Sharaiti ialah syahid, namun dari sudut atau dimensi lain, Shariati telah melawan ancaman ideologi Barat dengan menggunakan perbahasan intelektual. Aspek ini juga tidak boleh diketepikan.

Abdul Aziz telah mengkritik Shariati dengan menyatakan bahawa Shariati gagal menunjukkan sejauh mana keberkesanannya “pentafsiran atau interpretasi semula” jika ilmu hukum tradisional ditinggalkan. Penulis merasakan ada kebenarannya kata-kata Abdul Aziz ini kerana apa yang dikhuatirkan ialah pentafsiran semula disalah gunakan mungkin bukan oleh Ali Shariati tetapi oleh pengikut-pengikut Ali Shariati yang mungkin mendakwa diri mereka sebagai intelektual.

Seperkara lagi, Abdul Aziz mendakwa Shariati tidak memberi bukti yang serius yang menunjukkan Islam merupakan ideologi yang lebih baik berbanding Timur yang lain untuk berhadapan dengan modenisasi Barat. Berhubung perkara ini, pada awalnya penulis sepandapat dengan Abdul Aziz kerana dalam menerangkan aspek peranan golongan intelektual, Ali Shariati membuat contoh yang umum seolah-olah semua agama Timur adalah baik dan merupakan budaya yang harus dipertahankan oleh sesebuah masyarakat tersebut. Contohnya, beliau menyatakan golongan intelektual tidak bersifat universal, oleh itu, Mahatma Gandhi merupakan golongan intelektual di India kerana beliau faham agama dan budaya masyarakatnya, begitu juga dengan Sartre yang merupakan golongan intelektual pada zamannya.

Tetapi setelah meneliti dengan terperinci, penulis beranggapan bahawa fokus Shariati tidak kepada agama-agama lain di Timur kerana ianya kurang memberi ancaman kepada masyarakatnya sebaliknya agama-agama Timur yang lain juga telah diancam. Ancaman kuat terhadap masyarakatnya serta umat Islam khususnya dan agama-agama

Timur yang lain ialah ideologi-ideologi Barat. Oleh sebab itulah, Shariati tidak banyak mengkritik agama lain sebaliknya cuba mencari persamaan agama-agama lain membentuk blok Timur bagi melawan ancaman Barat. Beliau lebih banyak mendedahkan kepincangan ideologi-ideologi Barat.

Oleh itu tidak mustahillah, kita dapati idea-idea Ali Shariati sangat disukai oleh sarjana-sarjana Islam sunni dan sarjana-sarjana Timur. Manakala, sarjana-sarjana Barat juga mengaguminya kerana metod saintifik yang digunakannya.

Walau bagaimanapun, sedikit sebanyak Ali Shariati cuba menonjolkan kehebatan prinsip-prinsip dalam Islam seperti prinsip keadilan dan persamaan. Beliau juga ada menyarankan kaedah tipologi untuk membanding-bezakan agama dengan tujuan menunjukkan Isalm sebagai agama terbaik. Di samping itu, beliau menerangkan simbol-simbol dan model-model dalam Islam yang telah terbukti sangat habat dan tidak dapat dilemahkan oleh sesiapa walaupun musuh Islam.

Soheyl Amini pula telah mendakwa wujudnya pertentangan dalam ideologi Shariati di mana beliau menentang nasionalisme tetapi menganggap masyarakat yang ideal ialah masyarakat Syiah yang mempunyai “hak daripada Tuhan” sebagai imam yang memimpin umat. Ini juga tidak dapat dinafikan oleh penulis kerana Ali Shariati sendiri adalah seorang Syiah dan terikat dengan doktrin kepercayaan Syiah dalam walaupun kepimpinan. Mereka percaya kepada kepimpinan imam daripada keturunan Rasulullah s.a.w.. Dan walaupun kepada imam merupakan autoriti agama di mana mereka perlu

mengambil imam sebagai model dan patuh kepada arahannya. Cuma apa yang penulis nampak ialah mereka melihat kepada satu model dan ini mempercepatkan kejayaan gerakan revolusi mereka.

Penulis juga amat bersetuju dengan kenyataan Jalaluddin yang menyimpulkan bahwa Ali Shariati menulis dan berbicara dengan rasional dan emosi sekaligus. Beliau bukan seorang yang neutral, pernyataannya tidak hanya informatif tetapi juga persuasif.

Penulis telah mendapati wujud kebenaran dalam teori Ali Shariati tentang tamadun dan hasilnya ialah Revolusi Iran pada tahun 1979. Apa yang berlaku lebih cepat daripada apa yang dijangkakannya kerana menurutnya, beliau mengharap satu revolusi yang melibatkan sosial dan intelektual akan berlaku dalam dua atau tiga generasi selepasnya. Tetapi Revolusi Islam Iran berlaku hanya dua tahun selepas kematiannya.

Walau bagaimanapun bagi penulis, ada beberapa perkara yang mengelirukan dalam idea Ali Shariati. Antaranya misi nabi yang dibawa oleh golongan intelektual, perkataan *free thinkers* yang digunakan serta sedikit pertentangan dalam persoalan siapa yang membentuk tamadun.

Shariati mengulas dengan panjang lebar mengenai misi golongan intelektual iaitu memperjuangkan kebenaran dan keadilan, menyedarkan masyarakatnya ke arah kebangkitan dan perubahan, tetapi golongan ini tidak perlu memimpin masyarakat.

Sedangkan perkataan “nabi” sangat sinonim dengan pemimpin masyarakat. Jadi, ada kekeliruan di situ walaupun mungkin kecil.

Seterusnya perkataan rausyanfikr atau golongan intelektual telah diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris sebagai *free thinkers*. Perkataan *free thinker* juga mengelirukan pembaca kerana kebiasaannya ia merujuk kepada golongan *atheis* atau golongan yang tidak percaya agama.

Penulis mendapati Ali Shariati adalah seorang yang begitu cermat dalam menerangkan sesuatu perkara. Sebagai contoh, lazimnya, kita menganggap tamadun Islam dibentuk oleh agama Islam. Dalam hal ini, Shariati mengulas dengan lebih jelas tentang peranan masyarakat di mana masyarakat yang telah membentuk tamadun. Manakala, masyarakat ini dibentuk oleh ideologi. Walau bagaimanapun, masih terdapat kekeliruan kerana penulis dapati ada sedikit pertentangan dalam penerangan di atas dengan teori konnya yang seolah-olah menafikan peranan masyarakat, sebaliknya menekankan hanya sebilangan kecil golongan genius dalam sesebuah tamadun yang bakal membentuk tamadun.

Secara keseluruhannya, penulis amat mengagumi pemikiran Ali Shariati tentang ketamadunan. Bagi penulis, pemikirannya sangat berfaedah dan berguna untuk dikaji serta dipertimbangkan untuk diperaktikkan.

LAMPIRAN 1

RUMUSAN KRONOLOGI KEHIDUPAN DAN KARIER ALI SHARIATI

Ringkasnya, kronologi kehidupan dan karier Ali Shariati adalah seperti berikut:ⁱ

- 1933 Lahir berhampiran Mashad, Iran.
- 1940 Menyertai Gerakan Sosialis Beriman dan Pusat Propaganda Kebenaran Islam yang diasaskan oleh bapanya Muhammad Taqi Shariati. Ketika ini juga beliau seorang guru sekolah tinggi, sarjana dan pendukung Islamologi.
- 1950 Pelajar di Maktab Perguruan di samping mengajar. Bekerjasama dengan Gerakan Sosialis Beriman dan menulis *Maktab-e Vaseteh* (Mashad, 1332/1953). Aktif dalam gerakan nasionalis yang memperjuangkan industri minyak Iran. Menubuhkan *Islamic Students Association* di Mashad. Dipenjara di Tehran. Menterjemah buku bertajuk “Abu Zar: Sosiolis Beriman” oleh Hamid Juwdat al-Sahar. Mula belajar di Universiti Mashad.
- 1958-1960 Mendapat ijazah sarjana muda (B.A.) dalam Penulisan Parsi, mendapat ijazah sarjana (M.A.) dalam Bahasa Arab dan Perancis. Menterjemahkan *Dar Naqd va Adab* oleh penulis Mesir, Dr. Mandur sebagai tesisnya.

Memenangi biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke Paris dan belajar di Universiti Sorbonne, Paris.

- 1960-64 Mengkaji tulisan Henry Bergson, Jack Berque, Albert Camus, A.H.D. Chandell, Frantz Fanon, George Gurwitsch, Louis Massignon, Jean Paul Sartre dan Jacques Schwartz. Menterjemah *La Priere* oleh Alexis Carrel (Paris, 1338/1960), *What Shall be Our Support?* (Paris, 1961). Aktif dengan kehidupan politik di Paris; bersama-sama Mustafa Chamran dan Ebrahim Yazdi menubuhkan Gerakan Pembebasan Iran di luar Negara. Menyertai pembentukan *Second National Front* dalam tahun 1962. Menyertai gerakan Algeria. Dipenjarakan kerana memberi kuliah kepada pelajar revolucionari Kongo. Menjadi editor jurnal *Iran-e Azad* dan *Nameh-e Pars*.
- 1963 Menghantar terjemahan teks zaman pertengahan Parsi *Les Merites de Balkh* sebagai tesis Phd.
- 1964 Kembali ke Iran dan ditahan di sempadan dan dipenjara selama 6 bulan.
- 1965-69 Mengajar sementara di beberapa sekolah tinggi dan kolej. Pergi ke Tehran untuk mengukuhkan Husayniah Irshad. Menterjemah *Salman Pak* oleh Laouis Massingnion (Mashad, 1334/1965), *Rahnamaye Khurasa* (Tehran: Sazeman-e Jalb-e Sayahan, 1344/1966). Menyertai salah sebuah fakulti di

Mashad. Menerbitkan *Islam Shenasi / Islamology* vol.1 (Mashad, 1347/1968) berdasarkan kuliah yang diberinya mengenai sejarah Islam, menerbitkan *Tarikh-e Tamaddun / The History of Civilization*, berdasarkan kuliahnya mengenai tamadun-tamadun dunia, dan menerbitkan *Kavir / The Sait Desert* vol.13 iaitu autobiografi intelektual yang memberi kesan ke dalam perasaan dalamannya. Beliau juga dipaksa pencer dengan segera.

- 1969 Memberi kuliah di Husayniyah Irshad. Merupakan tahun-tahun yang aktif dalam menyampaikan apa yang disebutnya sebagai “Islamic Renaissance”. Menunaikan haji buat kali pertama.
- 1970 Menunaikan haji untuk kali kedua dan mengembara ke beberapa Negara dan daerah.
- 1972 Husayniah Irshad ditutup dan aktivis-aktivisnya ditangkap.
- 1975 Organisasi-organisasi antarabangsa, kerajaan Paris dan Algeria menghantar petisyen untuk membebaskan Shariati.
- 1975-77 Tidak dibenarkan keluar dari rumah.
- 1977 Meninggalkan Iran pada bulan Mei, Pada bulan Jun mati secara misteri di rumah saudaranya. Dikebumikan di Damascus, Syria.

1979 Selepas kematianya,tulisan-tulisannya telah diterbitkan. Sehingga tahun 1986, 35 vol. telah diterbitkan.

TINGGALAN ALI SHARIATI

Ali Shariati mati dengan meninggalkan gagasan-gagasan yang hebat kepada masyarakatnya. Gagasan-gagasannya terdapat dalam buku-buku dan syarahan-syarahannya yang telah diterjemahkan ke dalam berbagai bahasa seperti bahasa Inggeris, bahasa Jerman, bahasa Itali, bahasa Perancis, bahasa Spanyol, bahasa Turki, bahasa Arab, bahasa Kurdi, bahasa Urdu, bahasa Indonesia, bahasa Albania, bahasa Sri Lanka, bahasa Thailand dan bahasa Bangali . Antara buku-buku dan syarahan-syarahannya yang telah diterbitkan dan diterjemahkan ke dalam bahasa Inggeris ialah :ⁱⁱ

1. **A Glance at Tomorrow's History**, 1985.
2. **An Approach to Understanding of Islam** , Trans, Venus Kaivantash (The Shariati, Foundation, and Hamdam Publishers, Tehran, 1979).
3. **And Once again Abu Dhar**, 1985.
4. **Art Awaiting The Saviour** , Trans, Homa Farjadi (Shariati Foundation and Hamdam Publishers, Tehran 1979).
5. **Capitalism Wakes UP?!**, Trans Mahmoud Mogscni, (The Ministry of Islamic Guidance, Tehran, 1981).

6. **Civilization and modernization**, (Aligarh, Iranian Students Islamic Association, 1979).
7. **Culture an Ideology**, 1980.
8. **Fatima is Fatima**, Trans, Laleh Bakhtiar (Shariati Foundation and Hamdami Publishers, Tehran, 1980).
9. **From Where Shall we Begin and Machine in the Captivity of Machinism**, 1980.
10. **Hajj**, Trans, Ali Behzadnia and Najla Denny.
11. **Islamic View of Man**, Trans, Ali Behzadnia and Najla Denny.
12. **Man and Islam**, Trans, Ghulam M.Fayez (University of Mashhad Press, Mashad, Jahad Publications, 1982).
13. **Man and Islam**, Trans ; Dr. Fatollah Marjani (Free Islamic Literature-Filinc, Houston, Texas, 1981).
14. **Martyrdom, Arise and Bear Witness**, Trans, Ali Asghar Ghassemy (Ministy of Islamic Gudance, Tehran, 1981).
15. **Marxism and Other Western Fallacies: An Islamic Critique**, Tran's, R. Campbell (Berkely, Mizan Press, 1981).
16. **One Followed By An Eternity of Zeros** , Trans, Ali Asghar Ghassemy (The Hosseiniyeh Ershad and the Hamdami Publishers, Tehran, 1979).
17. **On The Sociology of Islam**, Trans", Hamid Algar (Berkely, Mizan Press, 1979).
18. **Red shiism**, Trans, Habib Shirazi (The shariati Foundation and Hamdami Publishers, Tehran, 1979).
19. **Retlection of A Concerned Muslim on The Plight of Oppressed Peoples**, Trans" , Ali Behzadnia and Najla Denny.

- 20. Selection and of Election**, Trans, Ali Asghar Ghassemy (The Hosseniyyeh Ershad and Hamdami Publishers, Tehran, 1979).
- 21. The Visage of Mohammed**, 'Trans, A. A. Sachadin (Nor. Oqalam Publications, Lahore, 1983).
- 22. Ye Brother, That's The Way it Was**, Trans, Nader Assaf (Shariati Foundations and Hamdami Publishers, Tehran, 1979).
- 23. Awaiting the Religion of Protest** Translated by: Shahyar Saadat.
- 24. What is to be done?** Edited & Annotated by: Farhang Rajaei/ Foreword by: John L. Esposito.
- 25. Martyrdom**, Trans, Hale Bakhtiar and Hossein Saleh, (Abowzar faundation, Tehram, Iran).
- 26. Hajj**, trans, S.M.Farough, (Islamic faundation, India, 1989)
 (www. Shariati.net/translate.html.)

ⁱ Dr. Ali Shariati, *What Is To Be Done : The Enlightened Thinkers And An Islamic Renaissance*, Edited and Annotated by Farhang Rajee, Foreword by John L. Esposito, Instotute For Research And Islamic Studies, U.S.A., 1986, hlm xvii-xix..

ⁱⁱ Publication and Translation Ali Shariati's Book and Speeches, <http://www.net/translet.html>.